

Dah biasa kasut, kain kotor ke sekolah

Kuala Lumpur: "Saya dan tiga adik bonceng motosikal ditunggang ibu untuk ke sekolah, malah saya yang duduk di bahagian paling belakang beberapa kali terjatuh kerana jalan licin selepas hujan," kata Sucira Nai Soow, 27, berkongsi pengalaman dilaluinya demi menuntut ilmu.

Sucira yang juga Orang Asli daripada suku Temuan antara anggota masyarakat Orang Asli yang berjaya dalam pendidikan dan dia kini berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan Masyarakat di Ibu Pejabat Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sejak September 2019.

Katanya, dia sudah terbiasa ke sekolah dengan kasut dan kain yang kotor akibat percikan tanah merah.

Ini kerana dia perlu merentas jalan sejauh lima kilometer dari rumah keluarganya di Kampung Orang Asli Tekir, Labu, Negeri Sembilan untuk ke sekolah.

"Tiba di sekolah, saya akan cuci sedikit kasut dan kain bagi mengurangkan kesan percikan tanah merah itu.

"Saya tidak pernah rasa malu memakai kasut yang kurang bersih berbanding

rakan lain, asalkan dapat belajar di sekolah," katanya.

Menurut Sucira, dia bersemangat untuk ke sekolah atas dorongan ibu, Dewi Kasma Othman, 41, dan bapa, Nai Soow Nom, 54, yang sentiasa memberikan galakan supaya dia belajar bersungguh-sungguh hingga berjaya.

Graduan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) ini berkata, dia memilih kerjaya dalam sektor kerajaan bagi memenuhi hasrat ibunya walaupun terpaksa melalui pelbagai cabaran.

"Sebelum dapat

pekerjaan ini, saya pernah gagal sembilan sesi temuduga.

"Berkat doa ibu bapa dan usaha tanpa jemu, saya bersyukur berjaya dalam sesi temuduga ke-10," katanya.

Katanya, kesusahan yang dilalui ketika kecil, termasuk terjatuh motosikal semasa dalam perjalanan ke sekolah, menjadi kenangan manis sukar dilupakan.

"Tanpa pengalaman itu, mungkin saya tidak akan berada di tahap ini sekarang," katanya.



SUCIRA bersama ibunya pada hari konvokesyen.



SUCIRA kini berkhidmat sebagai Pegawai Pembangunan JAKOA sejak September tahun lalu.